

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
KAWASAN : TANJONG MALIM
NO. SOALAN : 59

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menjadikan Pusat Latihan Automotif yang bertaraf antarabangsa di Bandar Proton Tanjong Malim sebagai pusat untuk memajukan industri automotif negara kita.

Jawapan

Buat masa ini, Kerajaan tiada perancangan untuk mewujudkan pusat latihan automotif bertaraf antarabangsa di Tanjung Malim. Walau bagaimanapun, bagi latihan dalam bidang automotif, sudahpun terdapat beberapa institusi latihan di tempat-tempat lain di Malaysia.

PROTON sedang merangka pelan pembangunan modal insan menyeluruh di peringkat kumpulan DRB-HICOM melalui International College of Automotive (ICAM) bagi mencapai sasaran-sasaran Pembangunan Modal Insan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan di dalam Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014.

Sasaran ini termasuklah penyediaan tenaga kerja mahir yang mencukupi di semua peringkat bagi memacu pertumbuhan industri automotif negara, mewujudkan tenaga mahir industri automotif yang khusus dalam bidang pengeluaran berautomasi bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing kurang mahir, sekaligus membantu mewujudkan tenaga kerja mahir tempatan yang berpendapatan tinggi.